



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

# BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 3 2024



# ISI KANDUNGAN



- PENGUATKUASA PPJ GIAT LAKSANA OPERASI 3

- MAJLIS PERASMIAN PROGRAM TUITION MISSION 4

- LARIAN HARI POLIS 2024 5

- SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2024 6

- AGONG, RAJA PERMAISURI BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH 7

- PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA BAGI KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK 8

- MAJLIS PERASMIAN CAR FREE DAY PUTRAJAYA 2024 9

- KENDURIAN PUTRAJAYA 2024 10

- MAJLIS SOFT LUNCH FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2024 11

- MAJLIS PELUNCURAN TEKSI AIR PUTRAJAYA 12

- MAJLIS EDARAN JALUR GEMILANG KEPADA WARGA PPJ 13

- MAJLIS PERASMIAN FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2024 14

- KARNIVAL KOMUNITI & PESTA AIR PUTRAJAYA 2024 15

- FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA 2024 16



## PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,  
Seksyen Portal & Multimedia  
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

# Penguat Kuasa PPj Giat Laksana Operasi Bentuk Sikap Patuh Undang-Undang



Pihak Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya (PPj) sentiasa bersedia meningkatkan tindakan penguatkuasaan dalam menggalas amanah dan tanggungjawab demi kesejahteraan masyarakat Putrajaya dan semua pemegang taruh.

Bidang penguatkuasaan merupakan antara tonggak dan imej hadapan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan membentuk sikap warga Putrajaya yang lebih prihatin serta patuh kepada undang-undang.

Tindakan penguatkuasaan daripada bahagian Penguat Kuasa PPj merupakan elemen penting untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat supaya patuh kepada perundangan yang berkuat kuasa. Oleh itu, kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada setiap kakitangan bahagian penguatkuasaan PPj adalah amat penting bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan menepati kehendak warga Putrajaya.

Tugas yang dipikul adalah untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan di kawasan Putrajaya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan semua Undang-Undang Kecil yang diperuntukkan di bawah akta ini atau mana undang-undang penguatkuasaan.

Penguat kuasa PPj memainkan peranan penting bagi memastikan keselamatan dan keamanan warga Putrajaya terjaga serta terjamin. Penguat kuasa perlu sentiasa meningkatkan komitmen dan ketelusan dalam melaksanakan tugas yang diberikan melalui penguatkuasaan yang tegas dan berhemah selain penekanan kepada nilai integriti dan tatakelola yang baik dalam pentadbiran organisasi.

Pihak Penguat Kuasa PPj bertanggungjawab dalam menjalankan operasi seperti Operasi Bersepadu dan Agensi Sahabat, Operasi Halangan Premis, Operasi Halangan Lalu Lintas, Operasi Rumah Sesak, Operasi Sisiran Tasik serta Operasi Banteras Aktiviti Haram (BAH) berdasarkan undang-undang yang telah diperuntukkan dan juga menguatkuasakan undang-undang terhadap kesalahan di bawah undang-undang Perbadanan Putrajaya sekali gus mengawal dan memastikan semua harta PPj berada di dalam keadaan baik dan selamat.

Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara rutin bagi memastikan undang-undang dipatuhi dengan sepenuhnya. Antaranya kawalan aktiviti penjaja tanpa lesen, pemantauan bersama Unit Merinyu Bahagian Perlesenan, Pemantauan Ops Tasik (memancing), Pemantauan bersama Bahagian Kawalan Bangunan/Infra selain turut menerima, menyiasat dan menyelesaikan aduan berkaitan banjir kilat, demonstrasi, mengawasi tempat-tempat tumpuan orang awam berkumpul dan sebagainya.

Pada 21 Jun lalu, satu operasi bersepadu membanteras penjaja tanpa lesen atau lebih dikenali dengan panggilan 'rambo' dilakukan di sekitar Dataran Putra bermula pada pukul 4 petang sehingga 11:30 malam. Terdahulu, pada tahun 2023, pihak PPj telah melaksanakan tindakan kompaun sebanyak 114 dan 25 sitaan ke atas penjaja tanpa lesen di Dataran Putra. Sehingga Mei 2024, sebanyak 49 kompaun dan 24 sitaan telah dikeluarkan ke atas penjaja tanpa lesen.



# Majlis Perasmian Program Tuition Mission Putrajaya 2024

Tidak mahu anak-anak Putrajaya tercicir daripada mendapat pendidikan yang sempurna, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif menganjurkan sebuah program tuisyen khusus buat pelajar yang bakal menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' Indera Noridah Binti Abdul Rahim telah menyempurnakan Majlis Perasmian Program Tuition Mission Putrajaya Tahun 2024 bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Perbadanan Putrajaya menganjurkan Program Tuition Mission Putrajaya bagi memastikan tiada pelajar yang tercicir daripada menikmati akses kemudahan pendidikan yang baik.

Pada tahun ini program Tuition Mission Putrajaya telah disenaraikan sebagai salah satu aktiviti di bawah Program Usaha Jaya Insan (PUJI) dalam komponen ILMU@PUJI. PUJI telah diperkenalkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan dirangka sebagai pendekatan inklusif dalam menangani isu sosio-ekonomi di Wilayah Persekutuan. Ia turut memaparkan inisiatif-inisiatif Kerajaan dalam membantu golongan miskin tegar/miskin di Wilayah Persekutuan.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr. Fadlun Mak Ujud, penganjuran Program Tuition Mission Putrajaya adalah bertujuan untuk

memberi akses kemudahan pendidikan yang baik buat pelajar-pelajar SPM.

Dilaksanakan buat julung kalinya pada tahun 2021, penganjurannya membuahkan impak yang positif berdasarkan keputusan SPM tahun 2022 di mana 98.26 peratus peserta daripada Program Tuition Mission Putrajaya 2022 telah layak menerima sijil SPM.





# Larian Hari POLIS 2024

montaj Larian Obor yang telah dibawa ke seluruh kontinjen di Semenanjung Malaysia.

Pengunjung turut disajikan dengan deruan enjin Konvoi Cakna Pencegahan Jenayah melintasi pentas utama yang melibatkan 20 motosikal klasik dan 20 buah kereta klasik serta 40 buah kereta sport dari Kelab SuperCarGang.

Antara tarikan lain termasuk 46 ruang pameran yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta, 20 buah food truck serta pembukaan kaunter pembayaran saman trafik oleh Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik PDRM yang menawarkan pengurangan saman trafik terpilih sebanyak 50 peratus yang menjadi tumpuan utama para pengunjung.

Program diakhiri selepas pengumuman hadiah utama cabutan bertuah berupa sebuah kereta Perodua Ativa yang dimenangi oleh pemilik nombor bib A03744, Mohd Shazwan dari Seri Kembangan.



Seramai 10,000 orang termasuk warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyertai Program Larian Hari Polis 'Community Safety Run' 2024 yang berlangsung di Dataran Putrajaya.

Program larian berskala besar ini bersempena sambutan Hari Polis ke-217 bagi menjalinkan kerjasama strategik PDRM bersama pelbagai pihak dan masyarakat dalam usaha mengekalkan keharmonian serta keamanan negara, seiring dengan tema "Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada".

Peserta memulakan larian sejauh tujuh kilometer (km) tepat jam 7.30 pagi dengan acara pelepasan disempurnakan Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh yang diiringi Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain bersama Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti PDRM (JPJKK), Datuk Wan Hassan Wan Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur.

Turut hadir Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato' TPr. Fadlun Mak Ujud; Ketua Pegawai Eksekutif Perodua, Datuk Seri Zainal Abidin Ahmad dan Ketua Pegawai Jualan dan Pemasaran, Astro Malaysia Holdings Berhad, Tam Kam Leong.

Antara pengisian program tersebut termasuk 'Solat Subuh Berjemaah Macam Jumaat dan Tazkirah Subuh, persembahan Pasukan Senoi Praaq, Pancaragam PDRM, demonstrasi 25 anggota Unit Tindakhas (UTK) menangani ancaman pelbagai dan cabutan bertuah.

Kemuncak program menyaksikan gimik perasmian menyalakan api Obor Cakna Pencegahan Jenayah yang disempurnakan Saifuddin diiringi Razarudin di hadapan bangunan Istana Kehakiman, selain tayangan

# Sambutan Hari Kebangsaan 2024

Sambutan Hari Kebangsaan ke-67 dengan tema 'Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka' bakal berlangsung di Dataran Putrajaya di sini untuk tontonan rakyat bermula 8 pagi ini.

Setiap tahun rakyat tanpa mengira latar belakang, bangsa dan agama pasti berhimpun untuk tujuan yang sama iaitu menyemarakkan semangat patriotik.

Sambutan tahun ini diserikan dengan keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah selain kehadiran barisan Jemaah Menteri serta perwakilan asing.

Sambutan kemuncak itu menyajikan perbarisan dan perarakan melibatkan lebih 17,000 peserta, 59 kontinjen, 24 pasukan pancaragam serta 439 aset ketenteraan.

Antara kelainan sambutan kali ini ialah perbarisan Kontinjen Komuniti Malaysia MADANI yang diterajui Kementerian Perpaduan Negara dengan memperagakan pakaian etnik lengkap beraksesori bagi melambangkan kepelbagaian budaya masyarakat di negara ini.

Keunikan kontinjen itu ditonjolkan melalui alatan dan persembahan khas sebagai simbolik perpaduan masyarakat antaranya kumpulan kompang, chingay, tarian naga dan singa, tarian merak, perarakan kuda serta pahlawan Bajau sekali gus mewarnai sambutan kali ini.

Selain itu, kekuatan aset pelbagai agensi antaranya Angkatan Tentera Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Agensi Penguatkuasaan Maritim turut ditonjolkan bagi mencerminkan kesiapsiagaan pasukan keselamatan dalam menjaga kedaulatan negara.

Persembahan tarian bertajuk 'Cuci Rasuah' turut dipersembah sebagai penutup tirai majlis yang mencerminkan komitmen Kerajaan Perpaduan membanteras gejala rasuah.





# Agong, Raja Permaisuri Berkenan Berangkat Tiba Ke Majlis Sambutan Maal Hijrah

**Y**ang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 2024/1446H. Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda pada 10 pagi disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda menyemarakkan lagi majlis tersebut yang bertemakan "Al-Falah Pemacu Malaysia MADANI" di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Kemuncak sambutan tahun baharu kalendar Islam yang dihadiri kira-kira 6,000 tetamu itu ialah Titah Diraja oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim diikuti dengan penyampaian Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Tema "Al-Falah Pemacu Malaysia Madani" merupakan manifestasi dari intipati ajaran Rasulullah SAW dan tema yang sangat signifikan bagi memacu umat di negara ini ke arah kejayaan yang hakiki dunia dan akhirat. **Falah Pemacu Malaysia MADANI**




**Titah**  
YANG DI-PERTUAN AGONG  
SULTAN IBRAHIM

KEMUNCAK MAJLIS SAMBUTAN  
MAAL HIJRAH PERINGKAT  
KEBANGSAAN 1446H/2024

“ Pada hari ini, kita berpegang dengan cabaran, kebergunaan, keadilan, dan keharmonian yang sepatutnya menjadi media sosial yang saksak dan sakti. Terdapat juga keharmonian yang memulakan semua masyarakat perhubungan maklumat, berikatan agama Islam yang menginspirasi, tidak terputus, selalu sedia dan ajarkan semua orang di atas prinsip Islam sebagai...”

Selagi umat Islam perlu bijak memilih, mahu betul dan mana salah. Perhubungan maklumat agama tidak sepatutnya menjadi media sosial boleh memulakan kepada keharmonian, perhubungan dan amalan agama yang mawar-mawar.

10 Februari 2024  
Putrajaya



# Program Penghijauan Malaysia Bagi Kempen Penanaman 100 Juta Pokok

Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara kita. Kempen ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.

Pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di seluruh negara di bawah RMKe-12 telah dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-77 pada 8 September 2020. Pelancaran kempen ini telah dilaksanakan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (kini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim – NRECC) akan mempromosi dan menggalakkan penglibatan serta kerjasama pelbagai pihak meliputi Kerajaan-kerajaan negeri, Kementerian dan jabatan serta agensi

kerajaan persekutuan/negeri yang berkaitan, syarikat swasta dan korporat, badan bukan kerajaan, institusi-institusi pendidikan serta orang awam dalam menayakan kempen ini.





# Majlis Perasmian Car Free Day Putrajaya 2024



**K**etua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa hadir ke Larian Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) XIX 2024 yang disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof di Dataran Putrajaya pada 3 Ogos 2024 (Sabtu). Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato' TPr. Fadlun Mak Ujud.

Larian MAPPA XIX 2024 anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) bersempena MAPPA 2024 pada 16 Ogos 2024 ini terbahagi kepada dua kategori iaitu 5km dan 10km yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM22,400 serta lebih 50 hadiah cabutan bertuah kepada para peserta.

Program sebegini diharap dapat mengukuhkan jaringan Kerjasama antara ketua-ketua pemimpin agensi bersama kakitangan awam dan menggalakkan aktiviti bersukan serta mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan penjawat awam.



# KENDURIAN PUTRAJAYA 2024

Persekutuan (FAMA) berupaya memberi impak positif terutama dari segi publisiti serta promosi kepada peniaga.

Program jualan durian ini akan dianjurkan sekali lagi pada 3 Ogos 2024 sempena Larian Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) 2024 di Dataran Putrajaya.

Jom Kendurian Putrajaya berlangsung di Dataran Putrajaya, bermula jam 9 pagi hingga 11.30 malam dengan menyediakan 22 lot gerai jualan.

Sepanjang empat hari program berlangsung, pelbagai aktiviti permainan tradisional turut diadakan seperti tarik tali, terompah gergasi, lambung belon air dan banyak lagi.



Konsep jualan secara mengisi durian hingga penuh plastik pada harga RM50 yang ditawarkan peniaga menjadi tarikan ramai pada program Jom Kendurian Putrajaya di sini. Jom Kendurian Putrajaya anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) berlangsung selama empat hari menawarkan pelbagai jenis durian seperti durian kampung, Musang King dan Blackthorn.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr. Fadlun Mak Ujud, sambutan hari pertama Jom Kendurian Putrajaya sangat menggalakkan dan peniaga menjual pada harga murah pada setiap waktu happy hours yang ditentukan. Pada happy hours tersebut, antaranya pelanggan boleh mengisi durian sehingga penuh dalam plastik disediakan dan dijual hanya pada harga RM50.

Sebanyak 12 tan durian dibekalkan penjual pada hari pertama dan jumlah tersebut mencecah sehingga 50 tan pada hujung minggu. Program ini bertujuan menawarkan kepada pengunjung untuk menikmati durian daripada pelbagai jenis pada harga berpatutan.

Selain makanan seperti cendol dan pulut durian, pelbagai buah-buahan turut dijual pada acara ini seperti cempedak, rambutan, nanas, buah naga dan jambu.

Jom Kendurian Putrajaya juga bertujuan menyediakan ruang pasaran baharu kepada usahawan dan peniaga tempatan untuk memasarkan jualan terus kepada pelanggan sekali gus memudahkan pengguna mendapatkan bekalan produk segar dengan lebih mudah. Penganjuran acara ini dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian





pertandingan pelbagai kategori orkid, bonsai serta terrarium.

RFP 2024 yang dianjurkan PPj dengan mendapat sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan dibuka kepada orang ramai bermula jam 9 pagi hingga 10 malam pada Isnin hingga Khamis manakala pada hujung minggu bermula dari 9 pagi hingga 12 tengah malam (Jumaat - Ahad).

Komponen utama bagi FRP2024 adalah pameran taman yang disertai lebih 30 jabatan dan agensi kerajaan termasuk PPj, agensi korporat, swasta, persatuan,

# Majlis Soft Launch Floria Diraja Putrajaya 2024

**F**estival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya (RFP 2024) ke-13 yang merupakan acara ikonik dan bertaraf dunia kembali berlangsung bermula 22 Ogos 2024 hingga 1 September 2024 di Monumen Alaf Baharu, Presint 2.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata selepas 12 tahun penganjurannya di Anjung Floria, Presint 4, lokasi diubah ke Monumen Alaf Baharu bagi memberi pendedahan baharu kepada pengunjung mengenai tempat menarik di lokasi ini pada Majlis Pra Pelancaran RFP 2024 di Monumen Alaf Baharu, Presint 2 yang turut dihadiri oleh Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato' TPr. Fadlun Mak Ujud.

RFP 2024 bertemakan 'Raikan Bersama' mengangkat bunga Petunia yang terkenal dalam kalangan pencinta tanaman hiasan sebagai bunga tema acara kerana kepelbagaian warna dan keindahan rupa bentuknya. Penganjuran kali ini menyasarkan lebih sejuta pengunjung, melebihi sejuta yang direkodkan pada tahun 2023.

Antara komponen lain yang menjadi tarikan utama adalah Astaka Flora iaitu pameran bunga-bunga dalam bangunan yang menghimpunkan penyertaan daripada 10 negara ASEAN selain New Zealand membabitkan kategori gubahan bunga, pameran dan



pengusaha bunga, sekolah dan institusi pengajian tinggi yang mana mereka menyetujui gabungan idea segar, teknik tersendiri serta reka bentuk unik seni pameran taman.

Antara agensi dan syarikat yang terlibat menyertai pameran ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL), Jabatan Landskap Negara (JLN), Majlis Perbandaran Sepang (MP Sepang), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Putrajaya Holding dan Pulse Group.

Selain daripada itu, lebih 100 aktiviti sampingan dianjurkan seperti bengkel, pengisian pentas disamping lebih 50 gerai jualan Garden Bazaar, Hort Mart serta kraftangan.



# Majlis Peluncuran Teksi Air Putrajaya

Tarikan terbaru Floria Diraja Putrajaya tahun 2024 ini adalah perkhidmatan teksi air yang ditawarkan kepada pengunjung sempena Hari Kebangsaan 2024 pada 31 Ogos 2024 mulai jam 5.00 pagi hingga 2.00 petang.

Perkhidmatan teksi air adalah antara mod pengangkutan yang disediakan bagi memudahkan orang ramai hadir memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan ke-67 di Dataran Putrajaya.

Majlis Peluncuran Teksi Air ini telah disempurnakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya, Ybhg. Dato' TPr. Fadlun Mak Ujud Jeti Umai, Presint 2, Putrajaya.

Perkhidmatan ini membolehkan pengunjung menikmati pemandangan indah tasik Putrajaya selain mengunjungi kawasan dekorasi taman yang penuh dengan bunga-bunga.

Selain pangangkutan air, perkhidmatan shuttle bus yang membawa pengunjung dari Putrajaya Sentral ke tapak acara turut disediakan secara percuma.

Sebanyak enam buah teksi air dan tiga 'cruise' tasik disediakan secara percuma untuk orang awam hadir menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan 2024.



Orang awam boleh menaiki teksi air di dua laluan iaitu Laluan 1 membabitkan Jeti Ayer 8 – Jeti Monumen, manakala Laluan 2 pula ialah Jeti Kelab Tasik – Jeti Monumen. Bagi laluan 3 (cruise tasik) pula adalah Jeti Marina – Jeti Anjung Floria.

# Majlis Edaran Jalur Gemilang Kepada Warga PPj Sempena Bulan Kemerdekaan



Sebanyak 19,044 Jalur Gemilang di pasang di jalan utama dan bangunan kemudahan awam di bawah seliaan Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke 67, pada 31 Ogos 2024.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr. Fadlun Mak Ujud, inisiatif ini selaras dengan pemilihan pusat pentadbiran kerajaan sebagai lokasi Sambutan Hari Kebangsaan tahun 2024.

Sebanyak 2,000 Jalur Gemilang turut diedarkan kepada warga PPj bagi menyuntik semangat patriotik. PPj juga turut menyerahkan Jalur Gemilang kepada Pejabat Perdana Menteri dan komuniti Putrajaya untuk dikibarkan sepanjang sambutan Bulan Kemerdekaan ini pada Majlis Penyerahan Jalur Gemilang sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2004 di perkarangan Kompleks PPj.

Turut hadir, Naib Presiden Perkhidmatan Korporat PPj, Tuan Shamsul Joehari Zainal Mokhtar dan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan & Pembangunan), Datuk Ramlee Yatim.

Sambutan Hari Kebangsaan kali ini akan berlangsung di Putrajaya dengan tema "Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka".

Pada majlis sama PPj turut memasang Jalur Gemilang pada kenderaan rasmi perbadanan bagi mewujudkan semangat patriotik kepada negara. Bagi menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan kali ini PPj turut menganjurkan Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya (RFP 2024) ke-13 yang juga acara ikonik dan bertaraf dunia dari 22 Ogos 2024 hingga 1 September 2024 di Monumen Alaf Baru, Presint 2.



# MAJLIS PERASMIAN FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2024



Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah, berkenan menyempurnakan majlis perasmian Floria Diraja Putrajaya 2024 serta melawat tapak festival di Persisiran Tasik, Presint 2, yang mempamerkan pelbagai spesies dan kultivar bunga-bungaan serta tanaman hiasan pada 22 Ogos 2024.

Keberangkatan tiba baginda disambut isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Pada majlis tersebut, Raja Zarith Sofiah turut dipersembahkan hibrid baharu orkid spesies Vanda yang dinamakan 'Vandachostylis Queen Zarith Sofiah' sebagai kenang-kenangan daripada Perbadanan Putrajaya (PPj).

Floria Diraja Putrajaya kali ke-13 bertema 'Raikan Bersama' dianjurkan oleh PPj dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan, dibuka kepada pengunjung mulai 22 Ogos hingga 1 September 2024.

Bunga Petunia dipilih sebagai tema Floria Diraja Putrajaya 2024 berikutan keunikan struktur pertumbuhannya, malah keindahan

warna kelopak bunga yang cantik serta menjurai dapat menyuntik elemen estetika seumpama menerangi dan menceriakan pengunjung.

Sejak 2007, Floria Diraja Putrajaya merupakan satu daripada produk pelancongan PPj yang bertaraf antarabangsa dan telah menarik kehadiran ribuan pelancong serta pengunjung dari dalam dan luar negara.

Penganjuran Floria Diraja turut menyumbang kepada penzaharan model C.H.A.S.E City (clean, healthy, advanced, safe and eco-friendly city), terutama di Putrajaya.





# Karnival Komuniti & Pesta Air Putrajaya 2024

**K**epelbagaian program dan aktiviti sukan air menjadi tarikan utama pengunjung ke Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya 2024 yang berlangsung pada 19 - 22 September 2024 (Khamis - Ahad) di Kompleks Futsal, Presint 18, Putrajaya bermula jam 8:00 pagi

Sebanyak 60 buah program telah dirangka sekali gus menjadi platform menyantuni komuniti setempat. Menghimpunkan semua komuniti Putrajaya bersama-sama dengan perbadanan dan pada masa sama dapat mengaktifkan atau mengembangkan lagi sukan air

Pelbagai aktiviti yang telah disediakan antaranya ialah :-

- Sukan Air
- Pertandingan Perahu Panjang
- Pertandingan Kayak Sprint
- Pameran Agensi Kerajaan dan Swasta
- Showcase Kesenian & Kebudayaan Komuniti Putrajaya
- Demonstrasi Seni Kraftangan
- Persembahan Dikir Barat
- 120 Vendor Pasar Saloma

- Usahawan komuniti
- Pertandingan Battle of Zapin dan pelbagai aktiviti membabitkan semua lapisan umur

Turut diadakan program bersifat keagamaan iaitu Forum Perdana Ehwal Islam dan Konsert Kerohanian Aku dan Dia. Forum Perdana Ehwal Islam dan konsert kerohanian antara yang menjadi tumpuan pada karnival kali ini.



# Festival Budaya Putrajaya 2024



**K**ementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Festival Budaya Putrajaya 2024 yang bertemakan “Perpaduan melalui Seni Budaya” selama tiga (3) hari bermula 20 hingga 22 September 2024 bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya. Program ini menampilkan pelbagai aktiviti seni, budaya, warisan serta pelancongan dan ia terbuka kepada orang awam.

Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk memperkukuhkan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum, sambil mengetengahkan seni dan warisan Malaysia kepada pelancong tempatan dan antarabangsa. Program ini dapat meningkatkan kesedaran umum tentang pentingnya memelihara dan mempromosikan warisan budaya Malaysia yang kaya dan unik.

Program yang menjadi tumpuan orang ramai setiap tahun ini diteruskan atas saranan YAB Perdana Menteri untuk menjadikannya sebuah program tahunan (signature programme) kerana berpotensi untuk menarik kemasukan pelancong asing. Secara tidak langsung, usaha ini dapat menyumbang ke arah mempromosikan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Penglibatan pelancong tempatan dan antarabangsa akan membantu memperkukuhkan industri pelancongan negara serta meningkatkan

pendapatan ekonomi setempat.

Pelbagai aktiviti menanti para pengunjung, antaranya, Malam Gala Warna Warni MADANI, Pameran Demonstrasi dan Interaktif Seni Budaya Warisan, Penjualan Produk Kraf, Produk Komuniti dan Produk Tradisional, Pameran dan Jualan Produk Pelancongan Domestik dan Antarabangsa, Pencungkilan Bakat Seni dan Budaya, Persembahan teater secara PERCUMA bertajuk “Cinta Ahmad Mutawakkil”, Program Jelajah Makan Putrajaya serta Pavilion pameran Indahnya Putrajaya.

Majlis Perasmian Festival Budaya Putrajaya 2024 telah disempurnakan oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) pada 21 September 2024.

